

22 JUL 2000

Uniten-konvokesyen

ABU ZARIM PENERIMA IJAZAH PERTAMA UNITEN

KAJANG, 22 Julai (Bernama) -- Bekas timbalan pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Tan Sri Abu Zarim Omar, menjadi penerima pertama ijazah Universiti Tenaga Nasional (Uniten) apabila dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan pada konvokesyen sulung universiti itu di sini, hari ini.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad menyampaikan anugerah itu kepada beliau sebagai menghargai perannya dalam penubuhan Uniten.

Uniten dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Jun lepas. Sebelum ini, universiti itu dikenali sebagai Institut Kejuruteraan Teknologi Tenaga Nasional.

Seramai 152 graduan menerima ijazah pertama dan diploma mereka pada konvokesyen universiti itu, yang dinaikkan taraf sebagai universiti swasta pada Jun 1997.

Terdahulu, dalam ucapannya Musa berharap kumpulan pertama graduan universiti dapat mencurahkan ilmu pengetahuan mereka untuk kepentingan agama, bangsa, dan negara selain menjadi pendorong kepada pelajar lain untuk turut sama cemerlang.

Seramai 33 graduan menerima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (kepujian) dan 35 lagi menerima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (kepujian).

Seramai 13 menerima Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Teknologi Maklumat (19) dan Diploma Pengajian Bisnes (53).

Lima pelajar dipilih menerima hadiah Akademik Terbaik iaitu Terence Kam Tian Yan bagi ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Cheong Yaw Jye bagi ijazah sarjana muda Kejuruteraan Mekanikal.

Turut menerima hadiah itu ialah A.Santhiragasan (Diploma Teknologi Maklumat), Azhar Yahya (Diploma Kejuruteraan Elektrik) dan Chen Fong Ling (Diploma Pengajian Bisnes).

Fakhzan Syah Abdul Rahim, yang mengikuti kursus sarjana muda Kejuruteraan Mekanikal, pula dipilih menerima hadiah khas di atas pencapaian cemerlangnya dalam bidang akademik dan sahsiah.

-- BERNAMA

SHI NAK